

**BAB 3**  
**SEMANTIK: PERLUASAN, PENYEMPITAN**  
**DAN PERUBAHAN MAKNA**

**3.0. Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan mengenai aspek yang akan digunakan dalam kajian tesis ini. Analisis data yang dilakukan dalam bab keempat nanti adalah berdasarkan kajian semantik yang dilakukan ke atas data yang telah dikeluarkan.

Aspek ketepatan makna kata yang diserap berbanding makna asal dilihat melalui perluasan, penyempitan atau perubahan makna yang berlaku pada kata yang dikaji. Kajian semantik yang digunakan dalam analisis data adalah berdasarkan ilmu semantik yang dipelajari dalam bahasa Melayu kerana dalam bahasa Arab ilmu semantik dipelajari dalam ilmu Balaghah. Ilmu semantik disebut sebagai '*ilmu dilalah*' di dalam bahasa Arab. Definisi mengikut sarjana bidang semantik dipetik untuk dijadikan panduan terhadap bidang ilmu yang dibincangkan dalam kajian ini.

### 3.1. Semantik

Semantik adalah suatu bidang yang mengkaji dan menganalisis makna kata dan ayat. Kata merupakan unit ujaran yang bebas dan mempunyai makna. Melalui kata manusia mengungkap fikiran, perasaan, pendapat, emosi, perlakuan dan keperibadian. Semakin banyak kata dikuasai oleh seseorang, semakin banyaklah idea yang mampu diungkapkannya baik yang tersirat mahupun yang tersurat.

Perkataan ‘semantik’ sebenarnya berasal daripada bahasa Yunani iaitu ‘*sema*’ yang bermaksud menunjukkan sesuatu “*sign*” sebagai satu istilah yang khusus bagi salah satu bidang linguistik yang mengkaji tentang makna. Perkataan ini mula digunakan oleh Michel Breal seorang ahli Filologi Perancis pada tahun 1883.

Menurut John Lyons (1993) bidang semantik akhirnya menjadi panduan yang praktik yang dapat dilihat terutamanya dalam bidang perkamusan dan peristilahan sepanjang zaman bukan sahaja di barat bahkan juga di seluruh dunia yang mengkaji bahasa. Sungguhpun begitu, bidang kajian semantik ini agak diabaikan dalam kajian linguistik moden disebabkan oleh perasaan sangsi sama ada makna itu boleh dikaji secara objektif atau tidak.

Berdasarkan Richards *et al.* (1989)<sup>14</sup>, semantik ialah kajian tentang makna, iaitu apa yang diekspresikan oleh sesuatu bahasa mengenai dunia yang tempat kita hidup ataupun sebarang dunia kemungkinan ataupun dunia imaginasi, yang merujuk kepada analisis terhadap kata, frasa, atau ayat

---

<sup>14</sup> Richards, J., Platt J. & Weber H., 1989. *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. Hlmn 172.

Menurut Dany A. Kwary, kajian semantik membahaskan mengenai makna bahasa. Analisis makna dalam hal ini mulai dari suku kata hingga ayat. Analisis semantik mampu menunjukkan bahawa dalam bahasa Inggeris, setiap kata yang memiliki suku kata 'pl' memiliki erti sesuatu yang datar sehingga tidak sesuai untuk nama produk/benda yang cekung. Ahli semantik juga dapat membuktikan suku kata apa yang cenderung memiliki makna yang negatif, sehingga suku kata tersebut seharusnya tidak digunakan sebagai nama produk insurans.

Bidang semantik jika dikaitkan dengan bidang yang lain, ia akan membawa pengertian yang berbeza-beza. Sebagai contoh, dalam bidang linguistik, semantik dianggap kajian tentang makna dalam bahasa, manakala dalam bidang logik (mantiq), ia dianggap sebagai rujukan linguistik atau denotasi dalam bahasa. Bidang-bidang lain pula, seperti falsafah, psikologi, dan sains komputer, kerap meninjau pengertian daripada kedua-dua makna.<sup>15</sup>

Jelas di sini bahawa kajian makna menjadi fokus utama dalam semantik. Sebelum penjelasan tentang semantik ini dilanjutkan, ada beberapa pendapat dan teori pakar bahasa mengenai makna yang perlu diambil maklum.

Menurut Anton M. Moeliono dan rakan-rakan, makna adalah; *pertama*, Erti, seperti dalam kalimat "*ia memperhatikan makna yang terdapat dalam tulisan kuno itu,*" *Kedua*, Maksud pembicara atau penulis, dan *ketiga*, Pengertian yang diberikan kepada suatu bentuk kebahasaan.

---

<sup>15</sup> Adrian Akmajian, et.al.1995. *Linguistics: An Introduction to Language and Communication*.

Dalam kajian linguistik *makna* adalah salah satu persoalan yang dapat dikaji secara mendalam. Penyelidikan makna dalam kajian linguistik disebut dengan semantik. Dengan demikian, semantik merupakan bahagian penting dalam linguistik.

Semantik menurut J.W.M. Verhaar ialah teori makna atau teori erti. Begitu juga dengan J. D. Parera yang mengemukakan bahawa semantik adalah ilmu tentang makna. John Lyons pula mendefinisikan semantik dengan penyelidikan makna.

Umar Mukhtar, 1982, dalam kitabnya '*ilmu dilālah* telah mendefinisikan semantik seperti berikut:

*” Semantik adalah kajian tentang makna atau ilmu yang mempelajari tentang makna atau merupakan cabang linguistik yang mengkaji tentang teori manusia.”*

### **3.2. Peluasan Makna**

Perubahan pengalaman dan budaya, konteks dan pengetahuan boleh meluaskan, menyempitkan juga mengubah makna sesuatu kata.

Menurut Chaer<sup>16</sup>, apa yang dimaksudkan dengan penambahan atau peluasan makna adalah gejala yang terjadi pada sebuah kata atau leksem yang pada mulanya hanya memiliki satu makna, tetapi kemudian kerana pelbagai faktor memiliki makna-makna lain.

Contoh bentuk peluasan makna menurut Chaer adalah kata “saudara”, pada mulanya bermakna “seperut” atau “sekandung” kemudian berkembang maknanya menjadi “siapa sahaja yang sepertalian darah”, akibatnya anak kepada adik-beradik ibu

---

<sup>16</sup> Abdul Chaer. 2003. *Linguistik Umum*.

atau bapa pun disebut saudara, dan lagi siapa pun yang mempunyai asal-usul yang sama juga disebut saudara. Bahkan kini siapa pun dapat disebut saudara, seperti saudara seagama dan saudara seislam.

### **3.3. Penyempitan Makna**

Penyempitan makna adalah gejala yang terjadi pada sebuah kata yang pada mulanya memiliki makna yang cukup luas, kemudian berubah menjadi terbatas. Seperti kata 'dai' dalam bahasa Arab. Kata ini mempunyai makna yang banyak antaranya, orang yang menjemput, orang yang berdoa, orang yang menyebarkan dakwah dan berbagai-bagai lagi. Tetapi kata ini telah disempitkan maknanya dalam bahasa Melayu iaitu 'pendakwah' sahaja dan tiada makna lain. Keperluan penutur Melayu terhadap kata ini hanya yang membawa maksud pendakwah sahaja menyebabkan makna-makna lain tidak diterima apabila kata ini diserap dalam bahasa Melayu.

### **3.4. Pemindahan Makna**

Pemindahan makna bermaksud penggantian makna secara total daripada maksud kata asalnya. Walaupun sebenarnya makna yang baru itu mempunyai kaitan dengan makna asal kata yang dipinjam. Sebagai contoh kata 'gapura' yang bermaksud 'pintu gerbang' berbanding makna sebenarnya dalam bahasa Arab 'ghafura' yang bermaksud 'Maha Pengampun'. Asal-usul perubahan maksud kata ini kononnya pada zaman Wali Songo di Jawa mempercayai bahawa sesiapa yang melepasi satu gerbang untuk ke Masjid Demak, dengan sendirinya mendapat pengampunan segala dosanya atas agama yang dianuti sebelumnya.

Di samping itu, menurut Ullman<sup>17</sup>, bahawa antara penyebab perubahan makna itu adalah kerana pengaruh bahasa asing. Contohnya dalam bahasa Inggeris ‘paper’ bermakna ‘kertas’ namun dalam bahasa Melayu masa kini kata ‘paper’ sering diertikan dengan karya ilmiah yang bakal dibentangkan dalam mana-mana seminar atau perbincangan atau mesyuarat.

### **3.5. Penutup**

Penyempitan, perluasan atau penyimpangan makna biasa berlaku kepada kata yang dipinjam daripada bahasa asing. Kata yang dipinjam disesuaikan dengan keperluan, tempat, suasana serta budaya sesebuah masyarakat. Oleh sebab itu apa pun makna yang difahami terhadap kata serapan asing yang digunakan dalam masyarakat, itulah makna yang diperlukan.

---

<sup>17</sup> Pateda, Mansoer. 2001. *Semantik Leksikal*.